

Kehebatan Mahathir bila berdepan dengan tokoh-tokoh korporat Barat

Mn.M 10 OCT 1993

Oleh ROZAID ABDUL RAHMAN
(Yang berada di New York baru-baru ini)

KEBIJAKSANAAN seorang pemimpin menjawab soalan secara spontan adalah satu anugerah Tuhan yang tidak ada pada semua orang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah salah seorang daripada pemimpin yang memiliki sifat semulajadi ini.

Malah kelebihan yang ada pada Dr. Mahathir ialah, beliau mampu menjawab setiap soalan yang dilemparkan kepadanya dengan tenang dan pada masa yang sama setiap perkataannya itu mengandungi unsur-unsur kritikan dan sindiran yang tajam tetapi masih dapat diterima dengan baik oleh orang yang mendengarnya.

Ketika di New York minggu lalu, Dr. Mahathir telah menghadiri tiga sesi dialog dengan para penggubal dasar luar Amerika dan tokoh-tokoh korporat serta ahli perniagaan yang disegani dalam majlis makan malam atau tengah hari.

Salah satu peristiwa menarik yang berlaku ialah di majlis makan malam yang dianjurkan oleh Majlis Perniagaan Amerika-ASEAN.

Sejurus sebelum majlis itu bermula, para tetamu yang berada di luar dewan makan bertemu dan berbual.

Seorang daripadanya iaitu pegawai dari Jabatan Negara Amerika telah menyatakan pandangannya mengenai Dr. Mahathir.

"Kami di Jabatan Negara mengklasifikasikan Dr. Mahathir sebagai satu-satunya pemimpin dunia ketiga yang berani menyatakan pandangannya secara terusterang dan berani dan saya percaya, majlis makan malam ini mendapat sambutan kerana semua orang ingin bertemu dengannya secara lebih dekat," kata pegawai itu.

Majlis itu dihadiri oleh lebih 200 orang tetamu yang antara lain terdiri daripada Timbalan Setiausaha Negara Amerika, Dr. Clifton Wharton, bekas wakil dagangan Amerika, Carla Hills dan ketua-ketua pegawai eksekutif

daripada syarikat gergasi Amerika.

Sebaik sahaja beliau masuk ke dewan makan, Dr. Mahathir telah diberi tepukan gemuruh oleh para tetamu dan sewaktu diperkenalkan kepada umum oleh pengerusi majlis beliau disifatkan sebagai "seorang pemimpin dunia ketiga yang berpendirian tegas."

Memang benar, sepanjang ucapannya, Dr. Mahathir tidak berasa kekok untuk menyatakan pandangannya yang kritis mengenai sikap negatif masyarakat Amerika terhadap negara kecil seperti Malaysia di hadapan tokoh-tokoh negara itu.

Antaranya, dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir telah menegaskan adalah sesuatu yang malang apabila terdapatnya kecenderungan di Amerika Syarikat untuk menghubungkan-kaitkan soal dagangan dengan isu bukan dagangan seperti isu hak asasi manusia, amalan perburuhan, alam sekitar dan polisi ekonomi.

Katanya, tindakan seperti ini bukan membawa keuntungan tetapi sebaliknya membantutkan hubungan dagangan di antara Amerika dengan negara membangun.

Yang menariknya ialah, sebaik sahaja menyatakan demikian, tokoh-tokoh perniagaan dan korporat telah memberikan tepukan dan Dr. Mahathir yang terhenti ucapannya kerana tepukan itu kemudiannya tersenyum dan selamba mencelah:

"Terima kasihlah kerana memberi tepukan...saya jarang sekali mendapat tepukan."

Para hadirin yang tercuik dengan komen spontan Perdana Menteri sekali lagi memberi tepukan kepadanya.

Pada satu bahagian lain, beliau telah mengkritik sistem demokrasi ala Barat.

Katanya, demokrasi itu sendiri bukanlah satu sistem politik yang mudah. Barat mengambil masa selama beberapa abad untuk mempraktikkannya. Pun begitu, sistem ini bukan selalunya berjalan dengan sempurna. Ketiadaan toleransi antara kaum, fascism, ketidakstabilan dan kerajaan yang tidak cekap selalu berlaku di dalam sistem demokrasi itu sendiri. Itali adalah satu contoh yang baik.

Sebaik sahaja berkata demikian seorang ahli perniagaan berbangsa Itali terus bangun lalu berkata:

"Tuan Perdana Menteri...saya orang Itali..."

Orang Itali itu sudah tentulah tidak berasa senang dengan kritikan terbuka Dr. Mahathir terhadap negara asalnya walaupun beliau kini menjadi warganegara Amerika.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir tidak panik dengan tindakan ahli perniagaan itu. Sebaliknya beliau dengan wajah yang tersenyum menjawab:

"Orang Itali-Amerika tidak termasuk dalam golongan ini..."

Jawapannya yang bijak itu telah mendapat tepukan gemuruh selama hampir satu minit dan orang yang turut menepuk tangan termasuklah si Itali yang mencelah tadi.

Kebijaksanaan Dr. Mahathir ketika berhadapan dengan tokoh-tokoh dari Amerika bukan sahaja menawan hati orang asing yang sanggup membayar harga meja yang mahal untuk mendengar ucapannya tetapi membuatkan orang seperti kami, para wartawan Malaysia yang membuat liputan majlis itu berasa bangga sebagai seorang warga Malaysia.

Pada ketika dan saat itu, amat terasa sekali betapa megahnya anda berada di celah tokoh-tokoh korporat Amerika lebih-lebih lagi apabila Perdana Menteri kita mendapat pujian daripada mereka.

Pendek kata, tidak seganlah kita mempunyai seorang *leader* sepertinya memimpin Malaysia yang mampu menangani soalan daripada orang Barat yang selama ini memandang kecil terhadap orang Asia.

Cuma yang berasa tidak senang dengan Dr. Mahathir ialah media Amerika yang selama ini bangga dengan sikap tidak berat sebelah mereka tetapi pada masa yang sama tidak berani untuk menyiarkan pandangan seorang pemimpin dunia ketiga di dada akhbar mereka.

"Anda wajar berasa bangga memiliki seorang Perdana Menteri seperti Dr. Mahathir," celah seorang pegawai eksekutif dari sebuah syarikat pembuat pesawat pejuang Amerika yang duduk di sebelah meja saya.